TRANSKRIP UCAPAN YB DATO' SERI UTAMA DR RAIS YATIM MENTERI PENERANGAN KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN MAJLIS PELANCARAN KIBAR JALUR GEMILANG 2010 STADIUM UTAMA KANGAR, PERLIS 1 OGOS 2010

Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YABhg Puan Sri Datin Hajah Norainee binti Haji Abdul Rahman, YAB Dato' Seri Dr Md. Isa bin Sabu Menteri Besar Negeri Perlis, YABhg Datin Seri Asiah, YB Tan Sri Datuk Nor Mohamed bin Yakcop Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Mejar Jeneral Dato' Seri Haji Jamil Khir bin Haji Baharom Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan YBhg Datin Seri Hajah Fatmawati, YB Dato' Wira Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Yazid bin Mat, Speaker Dewan Undangan Negeri, Negeri Perlis dan YBhg Datin Siti Rohani, YB Timbalan-Timbalan Menteri berserta isteri, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya-Pesuruhjaya dan juga para Duta, YBhg Dato' Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Wira Kamaruddin Siaraf, YB Dato' Azizan bin Hamid Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat, jemputan-jemputan dari seluruh pelosok Negeri Perlis, pembesar-pembesar, pemimpin-pemimpin dalam gagasan 1Malaysia, hadirin hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

Dalam ucapan ringkas saya pada petang ini, pertama-tama izinkan saya menyampaikan ungkapan "Selamat Datang" kepada sidang hadirin, warga Negeri Perlis khususnya dan jemputan-jemputan khas serta jemputan-jemputan di peringkat kebangsaan amnya. Terima kasih kita khusus tujukan kepada pemimpin besar Negara kita, YAB Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang dikasihi.

Saudara-saudari,

Dalam berekonomi untuk berucap malam ini, pertama tentu sekali kita mengucap syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi lantaran dengan ihsan-Nya kita berada di dewan Stadium Utama Negeri Perlis pada petang dan malam ini. Saya ingin mengucapkan syabas kepada sidang hadirin yang sanggup datang bersusah payah untuk meraikan pucuk pimpinan kita. Tetapi lebih-lebih lagi mengambil bahagian secara langsung dalam perayaan merdeka kali 53 Malaysia yang tercinta.

Hadirin yang dikasihi,

Malam ini adalah malam langkah pertama dalam langkah-langkah yang akan kita langkahkan bagi menjayakan program merdeka tanah air, iaitu pelancaran mengibar bendera Jalur Gemilang Malaysia kita bermula di negeri Perlis pada malam ini. Erti ini adalah erti yang besar. Besar oleh kerana buat pertama kali kita mengadakan majlis seperti ini di Negeri Perlis dan setelah kita berunding dengan YAB Dato' Seri Menteri Besar Perlis dan para pemimpin kita di Perlis, maka nyatalah kita tidak sia-sia mengadakan program besar kebangsaan kita ini di Negeri Perlis memandangkan setiap kerusi yang dikhaskan adalah dihadiri dan diduduki oleh rakyat kita yang tercinta di Negeri Perlis.

Tentu sekali pada malam ini, jelas kepada rakyat, jelas kepada kita bahawa rakyat di Negeri Perlis memberi sokongan kepada YAB Perdana Menteri kita, Dato' Seri Mohd Najib sebagai Perdana Menteri. Jelas kepada kita bahawa sokongan adalah tepat dan padat serta padu kepada YAB Timbalan Perdana Menteri kita, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Jelas kepada kita sokongan kepada YAB Menteri Besar sedemikian juga. Tetapi lebih daripada itu, kita adalah jelas sekali menonjolkan sokongan penerimaan kita terhadap gagasan 1Malaysia dalam kemerdekaan tanah air kita.

Saudara saudari yang dikasihi sekalian,

Malam ini YAB Timbalan Perdana Menteri akan menyampaikan amanat beliau. Pada malam ini, kita akan serlahkan buat pertama kali dalam Kempen Mengibar

Jalur Gemilang, pada malam ini YAB Timbalan Perdana Menteri akan membunyikan siren Merdeka 53, dengan bunyi sedemikian maka bermulalah Kempen Mengibarkan Jalur Gemilang kita. Harus kita pohon daripada setiap yang hadir, beritahu sanak saudara kita di Negeri Perlis, mereka yang melihat, rakyat yang menonton di rumah, haraplah, ambillah Jalur Gemilang sama ada yang lama atau beli yang baru atau carilah kaedah yang terdekat ataupun kita beli terus oleh kerana sehelai Jalur Gemilang tidak lebih dari sebungkus rokok yang isinya 20 batang. Mari kita jayakan program ini dan dirikan semangat juang kita menerusi penglibatan terus-menerus dari rumah, dari pejabat, dari pekan dan dari tempat kerja kita.

Mulai 31 Ogos, kita akan ubah program-program di seluruh tanah air. Kita akan isi dengan pelbagai program yang jumlahnya tidak kurang dari 120. Dari Perlis sampai ke Sabah, kita akan isi program-program ini melibatkan pelajar-pelajar kita, murid-murid kita, pegawai-pegawai kerajaan, ketua kampung, mukim-mukim pun kita akan libatkan serta daerah-daerah yang telah diberitahu supaya program merakyatkan merdeka kita berjalan dengan rancak dan penuh semangat. Kita seru juga, bukan saja penyokong kerajaan tetapi para pembangkang ataupun mereka yang berpolitik lain daripada Barisan Nasional, tunjukkan oleh kita, kita tidak berbeda dalam memberi penghormatan kepada merdeka tanah air kita. Bersatu kita, bersetia kita, berkhidmat kita bersama-sama. Marilah. Marilah kita kibarkan Jalur Gemilang mulai malam ini sampai 16 haribulan September. Bila mana kita akan beralih ke Kota Kinabalu dan merayakan hari 1Malaysia dan Hari Malaysia yang telah pun diwartakan sebagai hari cuti am di seluruh tanah air kita.

Perenggan terakhir hanyalah bagi saya untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Perlis khususnya di bawah pimpinan YAB Menteri Besar Dato' Seri Md. Isa bin Sabu dan rakan-rakan kita yang telah bertungkus lumus bekerjasama dengan jawatankuasa induk. Izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada setiap anggota jawatankuasa pusat yang telah memainkan peranan semenjak berminggu-minggu yang lalu.

Terima kasih kami kepada jabatan-jabatan sama ada di bawah kementerian KPKK atau di bawah kementerian-kementerian lain dan khusus pada malam ini, kita mengucapkan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin Perlis yang lama, yang baru

sampai tadi termasuklah Tan Sri Datuk Mohd Radzi Sheikh Ahmad, termasuklah pemimpin kita yang terdahulu menjadi Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan dan lain-lain. Beri tepukan kepada mereka dan beri sokongan kepada Kempen Jalur Gemilang kita.

Aquluqaulihaza waastagfirullahalazim ‘aliwalakum
Wassalamualaikum warahhmatullahi wabarakatuh.

Selamatlah Malaysia dan Merdeka!!